



MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA (MASUM)

MEMANAH

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang 'International Archery Federation (FITA).
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 1.3.1 Semua kejadian akan diputuskan berasaskan Peraturan Am MASUM.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang International Archery Federation (FITA).

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Kejohanan Terbuka Antara Pelajar Universiti-Universiti Awam Malaysia, dan Universiti Jemputan MASUM.

4. PENDAFTARAN PESERTA/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 4.1 Setiap Universiti boleh mendaftar maksima Empat (4) orang pemanah Lelaki dan Wanita bagi setiap kategori 'Recurve' dan 'Compound' seperti berikut:

Status	Lelaki		Wanita	
	Recurve	Compound	Recurve	Compound
Pengurus Pasukan	1	-	-	-
Jurulatih	1	1	1	1
Peserta	4	4	4	4
Jumlah	6	5	5	5

4.2 Acara Perseorangan

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada empat (4) orang peserta lelaki dan empat (4) orang peserta wanita kategori Recurve dan Compound.

4.3 Acara Berpasukan

Satu pasukan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) orang dan lebih empat (4) peserta.

4.4 Borang Pendaftaran Peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum kejohanan bermula

4.5 Sebarang pertukaran peserta hendaklah dibuat di dalam mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

5. SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem 'FITA Olympic Round' semasa dalam acara individu mahupun acara berpasukan.

5.2 Acara Individu (Individual Competition)

5.2.1 Pusingan Kelayakan (Qualification Round)

Setiap pemanah akan bertanding di dalam pusingan FITA dengan memanah 4 jarak (90/70m, 70/60m, 50m dan 30) selama dua (2) hari tidak termasuk latihan rasmi (sighter day).

5.2.2 Pusingan Kalah Mati (Olympic Round)

5.2.2.1 32 pemanah terbaik daripada pusingan kelayakan (16 pemanah jika peserta kurang daripada 32) akan dipilih untuk pertandingan di dalam pusingan Olympic. Setiap pemanah akan disusun mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat Undang-Undang FITA).

5.2.2.2 Setiap pemanah dikehendaki memanah 12 batang anak panah dengan memanah 6 batang dalam masa 4 minit di jarak 70m dengan menggunakan '122 cm target face'. Markah akan diambil selepas memanah keenam batang anak panah.

5.2.3 Pusingan Akhir (Final Round)

5.2.3.1 Pusingan ini menemukan 8 pemanah yang akan bertanding di peringkat suku akhir, diikuti 4 pemanah diperingkat separuh akhir dan 2 pemanah di peringkat akhir.

5.2.3.2 Bagi setiap pertandingan, pemanah akan memanah 12 batang anak panah (setiap batang diberi masa 40 saat) secara bergilir-gilir. Markah akan diambil selepas setiap tiga (3) batang panah dilepaskan. Anak panah akan dicabut oleh pembantu selepas markah diambil (sekiranya pembantu digunakan dalam pertandingan).

5.3 Pertandingan Berpasukan (Team Competition)

5.3.1 8 pasukan (4 pasukan jika pasukan kurang daripada 8 dengan 3 orang pemanah setiap pasukan) teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah-markah yang dikumpulkan oleh pemanah-pemanah dalam pusingan FITA (FITA round).

5.3.2 Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dengan memanah pada jarak 70m dengan menggunakan jadual pertandingan yang dikeluarkan oleh FITA (lihat peraturan FITA).

5.3.3 Setiap pertandingan menemukan dua (2) pasukan yang akan memanah 24 batang anak panah (6 anak panah setiap pasukan pada satu sesi). Masa selama 2 minit diberi untuk melepaskan kesemua 6 batang anak panah.

5.3.4 Pemenang bagi semua pertandingan akan maju ke pertandingan seterusnya.

5.4 Pertandingan Berpasukan Campuran:

5.4.1 Dalam setiap kategori, setiap pasukan terdiri daripada dua peserta iaitu seorang (lelaki) dan seorang (wanita) dipilih berdasarkan skor terbaik mereka semasa pusingan kelayakan individu.

5.4.2 Untuk Berpasukan Campuran, dua pemanah (seorang lelaki dan seorang wanita) dipilih dengan menjumlah jumlah skor terbaik untuk pemanah lelaki dan pemanah wanita daripada pasukan yang sama dan diperolehi berdasarkan skor terbaik mereka

semasa pusingan kelayakan individu membolehkan mereka layak bertanding.

2.3.2 Para pemanah yang akan memarah pada kepada pusingan kalah mati Berpasukan Campuran mestilah individu sama yang telah memarah pada pusingan kelayakan dan dipilih untuk Pusingan Akademik. Setelah dipilih kedua pemanah (seorang lelaki dan seorang wanita) yang akan mewakili pasukan (tarikh akhir, sebelum acara kejohanan dimulakan), maka pemanah yang terpilih tidak boleh diganti.

2.3.3 Peraturan untuk Berpasukan Campuran adalah sama dengan Berpasukan FITA (kecuali pelarasan masa untuk 2 pesaing). Setiap pasukan diperuntukan 80 saat untuk memarah 2x2 batang anak panah dalam setiap "end". Kesemuanya mempunyai 4 "ends". Jumlah kesemua anak panah akan diparah dalam Berpasukan Campuran adalah 16 batang dalam setiap perlawanan.

Berpasukan Campuran: Seorang pemanah lelaki dan seorang pemanah wanita mesti daripada pasukan dan kategori yang sama.

6. ACARA-ACARA

- | | | |
|-----|----------------------------|-----------------------|
| 6.1 | Latihan Rasmi | (Hari Pertama) |
| 6.2 | Pusingan FITA (FITA Round) | (Hari Kedua & Ketiga) |

Setiap Pemanah dikehendaki memarah 36 batang anak panah dalam 4 jarak iaitu:

- | | | |
|-------|----------|---------------------|
| 6.2.1 | Lelaki - | 90m, 70m, 50m, 30m |
| 6.2.2 | Wanita - | 70m, 60m, 50m, 30m. |

- | | | |
|-----|---|----------------|
| 6.3 | Pusingan Olympic (Olympic Round) | (Hari Keempat) |
| 6.4 | Pusingan Berpasukan Campuran (Mixed Team) | (Hari Keempat) |

7. PAKAIAN

Rujuk Undang-Undang FITA

8. RAYUAN/BANTAHAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 13.0 dan 15.0).

9. HADIAH-HADIAH

Hadiah akan disediakan seperti berikut:

- 9.1 Pusingan Kalah Mati Individu (Olympic Round) (Setiap kategori)
 - 9.1.1 Johan - Lelaki/Wanita
 - 9.1.2 Naib Johan - Lelaki/Wanita
 - 9.1.3 Ketiga - Lelaki/Wanita

- 9.2 Pertandingan Berpasukan (Team Competition) (3 orang sepasukan)
(Setiap kategori)
 - 9.2.1 Johan - Lelaki/Wanita
 - 9.2.2 Naib Johan - Lelaki/Wanita
 - 9.2.3 Ketiga - Lelaki/Wanita

- 9.3 Pertandingan Berpasukan Campuran (Mixed Team Competition) (2 orang sepasukan) (Setiap kategori)
 - 9.3.1 Johan
 - 9.3.2 Naib Johan
 - 9.3.3 Ketiga

10. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM.